

KERATAN AKHBAR




Harian Metro | Khamis 06.02.2020

@hmetromy | f | HarijanMetro | @hmetromy | www.hmetro.com.my A 17

addin

HADHANAH

Kebajikan anak maha penting



KEMUSYKILAN SYARIAH
Bersama
Surlany Awaludin

B

Sekiranya ada pertikaian daripada segi kelayakan orang yang mahu menjaga anak, mahkamah akan membuat pertimbangan khusus menerusi aspek segi kelayakan

agaimanakah kedudukan hak penjagaan anak tatkala pasangan sudah bercerai. Perluah untuk menajani prosiding mahkamah bagi menentukan hak atau boleh dibuat menerusi perbincangan. Bagaimana pula keadaan hak penjagaan anak jika didapati faktor perceraian adalah di pihak isteri yang curang?

Penjagaan anak disebut 'Hadhanah' menurut syarak. Ia diwajibkan ke atas mana-mana orang yang berkelayakan untuk menjaga anak yang masih kecil dan tidak mampu untuk menguruskan diri mereka, menjaga segala keperluan, kebajikan mereka dan mencari nafkah untuk mereka, mendidik, membimbing serta mengasuh mereka.

Penjagaan anak ini juga diwajibkan ke atas ibu bapa sama ada dalam perkahwinan atau sudah bercerai. Ini kerana penjagaan anak atau hadhanah termasuk dalam kategori 'hifz an-nafs' (menjaga jiwa) yang diwajibkan Allah SWT. Iwa anak wajib dijaga agar terhindar daripada kemudaratan dan kebinasaan.

Hukum ini bersifat pasti kerana mengabdikan penjagaan terhadap anak bererti membiarkannya terdedah kepada bahaya. Oleh itu, hak untuk mengasuh bagi orang yang diwajibkan Allah SWT untuk melaksanakan hadhanah bersifat khusus bagi mereka yang benar-benar berhak dan layak.

Pengasuhan anak tidak akan diberikan kepada mereka yang

akan mengabdikan anak berkenaan kerana perkara itu secara pasti akan mendedahkan anak kepada bahaya dan kebinasaan.

Justeru itu, dalam keadaan sama ada ibu bapa yang masih dalam perkahwinan, akan bercerai atau sudah bercerai, hendaklah menentukan dan memastikan tanggungjawab penjagaan ini dilaksanakan dengan baik dan oleh mereka yang benar-benar layak.

Sekiranya pasangan suami isteri bercerai dan mempunyai anak lelaki atau perempuan yang masih kecil (bayi) yang memerlukan penjagaan dan pengasuhan, maka yang lebih berhak ke atas pengasuhan anak itu ialah ibunya.

Dalinya berdasarkan hadis Rasulullah SAW riwayat Abu Daud yang bermaksud: "Seorang wanita berkata, wahai Rasulullah, sesungguhnya anakku ini, peritukulah yang mengandungkannya, susukulah yang diminumnya dan pangkuankulah yang menjadi tempat sandarannya. Bapanya sudah menceraikanku dan ingin mengambil anak ini dari sisiku. Lalu Rasulullah SAW bersabda, engkau lebih berhak ke atas anak itu selagi kamu tidak berkahwin lagi." (Hadis Riwayat Abu Daud).

Hak hadhanah ini diserahkan kepada ibu apabila keadaan anak itu masih kecil dan menyusu. Dengan kata lain, anak itu masih belum mampu memikirkan sesuatu perkara dan belum mencapai tahap dapat membezakan perilaku ayah dan ibunya.

Maka untuk situasi ini, anak itu mesti diserahkan kepada ibu untuk mengasuhnya. Namun, ketika anak itu sudah besar, tidak lagi menyusu, malah sudah mampu berfikir sesuatu perkara


dan dapat membezakan perilaku ayah atau ibunya, tetapi masih memerlukan pengasuhan (masih belum mumayyiz), maka dalam hal ini anak itu diberikan pilihan, sama ada untuk mengikut ayah atau ibunya.

Dalinya bermaksud: "Sesungguhnya ia sudah masuk Islam, sedangkan isterinya menolak masuk Islam. Si isteri lalu datang kepada Nabi SAW dan kemudian berkata, 'Ini anak perempuanku. Ia sudah disapih (berhenti susu) atau seumpamanya. Rafi berkata, ini adalah anak perempuanku. Nabi SAW lantas berkata kepada Rafi, Duduklah di sebelah sana. Beliau juga berkata kepada si isterinya, Duduklah di sebelah sana. Setelah itu, beliau meletakkan si anak di tengah-tengah di antara kedua-duanya seraya berkata kepada kedua-duanya, Cuba panggillah anak ini oleh kalian berdua. Si anak ternyata condong kepada ibunya. Selanjutnya, Nabi SAW berdoa, 'Ya Allah, berilah anak itu petunjuk.' Setelah Nabi SAW berdoa, si anak pun kemudian condong kepada ayahnya sehingga diabdikan ia oleh ayahnya itu." (Hadis Riwayat Ahmad dan Abu Daud).

Dalam usaha menentukan penjagaan anak, kedua-dua ibu dan bapa boleh berbincang untuk menentukan sebarang terma penjagaan anak mereka. Namun sebaik-baiknya apa juga persetujuan dicapai hendaklah direkodkan sebagai perintah mahkamah.

Bermakna, suatu permohonan hak penjagaan anak hendaklah dipohon di mahkamah. Sekiranya ada persetujuan ia lebih mudah dan mahkamah hanya perlu memerintahkan persetujuan itu sebagai perintah.

Sebaliknya, jika tiada persetujuan dicapai, ibu bapa



AL-HAQ
Sehari sepotong ayat
"Adapun kumpulan orang-orang yang beriman dan beramal soleh, maka mereka akan ditempatkan di taman syurga dalam keadaan berstaka ria."
(Surah Ar-Ruum, ayat 15)

atau penjaga yang layak hendaklah membuat permohonan dan menuntut hak penjagaan itu di mahkamah.

Sekiranya ada pertikaian daripada segi kelayakan orang yang mahu menjaga anak itu, mahkamah akan membuat pertimbangan khusus menerusi aspek segi kelayakan.


Jika ibu itu curang dalam perkahwinan, adakah perlakuan ibu itu akan mempengaruhi dan menyebabkan anak itu juga akan berkelakuan tidak baik hasil contoh dan cara didikan ibunya? Setiap dakuwan mengenai kelayakan orang menjaga hendaklah dibuktikan dan ditunjukkan kepada mahkamah. Pertimbangan utama dalam isu penjagaan ini adalah kebajikan anak terbahit.

Sebagaimana dijelaskan di atas, anak yang masih kecil dan menyusu, ibu yang lebih berkelayakan melainkan dibuktikan ibu itu sudah hilang kelayakannya. Jika dibuktikan ibu hilang kelayakan, maka barulah diperitimbangkan susunan orang yang layak menjaga anak itu menurut syarak.

>> Penulis adalah peguam syarie

TINTA HIKMAH

Beradab sebagai tetamu Allah



Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki

K

ekesalan Meriteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mujahid Yusof terhadap seorang ahli perniagaan yang berpakaian seperti wanita ketika mengerjakan umrah di Tanah Suci baru-baru ini wajar dijadikan pedoman dan iktibar buat kita semua.

Tambahan pula, ketika seseorang berada di Tanah Suci tempat yang diberkati dan dimulakan Allah SWT, mereka

haruslah menjaga adab dan tafassula selaku bergelar tetamu Allah.

Merujuk 'Qamus Mu'jam Lughat al-Fuqaha', lelaki yang menyerupai perempuan dalam bahasa Arab disebut sebagai al-mukhannas. Ia bermaksud lelaki yang menyerupai wanita dalam cara berjalan, bercakap, kewanjaan dan kelembutannya.

Secara umumnya, ada dua kategori mukhannas dalam syarak. Pertama, mukhannas yang bersifat semula jadi iaitu lelaki yang mempunyai perwatakan wanita pada cara percakapan, kelembutan anggota dan kecelaruan fizikal. Mereka tidak mempunyai nafsu terhadap

wanita serta tidak dikenali terbahit dengan perbuatan keji.

Oleh itu mereka tidak dianggap faskik dan tidak termasuk dalam lingkungan mereka yang dilaknat dalam hadis Rasulullah SAW.

Kategori kedua adalah mana-mana lelaki yang sengaja berperilaku dan bertindak sebagai perempuan dalam gerak-geri dan rupa diri (cara berpakaian, berhias dan perhiasan) menyerupai wanita pada rupa bentuk tubuhnya dan cara bercakap.

Ia dianggap sebagai perbuatan buruk, melakukan maksiat dan pelakunya dianggap berdosa serta tergolong dalam mereka yang dilaknat.

Oleh yang demikian, jantina mukhannas bagi kategori kedua ini adalah lelaki. Penentuan ini didasarkan kepada kaedah fiqh yang menyebutkan mengekalkan hukum berdasarkan asal sesuatu.

Berdasarkan ketetapan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MJEK) Kali ke-4 yang bersidang pada 1982 membuat keputusan bahawa pertukaran jantina daripada lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram dari segi syarak.

>> Penulis adalah penuntut Universiti Sains Malaysia (USM)